

04 JUL 2003

Abdul Aziz-Doa

SERAGAMKAN BACAAN DOA YANG DITERIMA SEMUA KAUM - ABDUL AZIZ

SEREMBAN, 4 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin meminta supaya bacaan doa di sekolah-sekolah diseragamkan dan boleh diterima oleh semua kaum.

"Perlu ada satu standard doa, apabila orang Cina mendengar, dia rasa aman, orang India dengar dia juga rasa aman dan mana-mana kaum yang dengar berasa aman.

"Kalau ada orang yang rasa terkejut, sudah tentu doa itu tidak bermakna. Sebab itu, setiap sekolah, pejabat pendidikan dan Kementerian Pendidikan perlu memikirkan apakah kaedah yang boleh dilakukan atas perkara yang baik ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan pingat dan sijil kepada pelajar cemerlang Sekolah Kebangsaan Puteri dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang lalu, di sini hari ini.

Beliau berkata Jabatan Pendidikan Agama dan Moral (Japim) di Kementerian Pendidikan dan Ketua Pengarah Pendidikan perlu mencari jalan melaksanakan penyeragaman itu..

Katanya saranan mengenai perkara itu pernah dibincangkan pada Januari lepas dalam satu mesyuarat yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, tiga orang Menteri Besar, Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat dan beberapa pegawai tertinggi di Kementerian Pendidikan.

Beliau berkata kesemua yang hadir bersetuju dengan cadangan itu dan berharap ia dapat dilaksanakan Mac lepas, tetapi masih belum dilakukan.

Dalam ruangan pembaca sebuah akhbar Rabu lepas, disiarkan tulisan mengenai isu wakil DAP bersama beberapa ibu bapa Cina menganjurkan demonstrasi di hadapan Sekolah Convent Light Street, Pulau Pinang kerana membantah tindakan guru besar sekolah itu mengadakan bacaan doa setiap pagi untuk murid beragama Islam.

Wakil DAP dan ibu bapa itu mendakwa kononnya perbuatan membaca doa itu, bercanggah dengan tradisi sekolah.

Berikutan itu, mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan memutuskan supaya pembacaan doa tidak lagi dibenarkan kecuali pada sesi pelajaran agama.

Abdul Aziz juga menasihatkan supaya sesuatu tindakan yang hendak dilakukan itu diberi pertimbangan sewajarnya dan memikirkan sentimen dan emosi kaum lain.

Selain itu, beliau turut menyuarakan bahawa penggunaan istilah Bahasa Melayu patut ditukar kepada Bahasa Malaysia untuk melambangkan ia bahasa pelbagai kaum.

"Di Indonesia pun, dia tak kata Bahasa Melayu atau Bahasa Jawa (tetapi) dia kata Bahasa Indonesia dan begitu juga di Amerika disebut "American English" walaupun pelbagai kaum ada di negara itu," katanya.

Abdul Aziz berkata walaupun perkara seperti itu mungkin dipandang remeh oleh sesetengah pihak, tetapi ia perlu diberi perhatian.

-- BERNAMA

APG RON